



## KENYATAAN MEDIA YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

Bagi melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seperti yang diputuskan Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bersama Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) yang bermesyuarat pada 8 Mei 2020 memutuskan supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan syarat-syarat pengoperasian dan aktiviti yang dibenarkan seperti berikut:

### 1. Syarat-syarat Am Operasi Premis

- a) Premis yang hendak dibuka semula mestilah berada dalam Zon Hijau sahaja (zon merujuk kepada mukim, bandar dan pekan mengikut Seksyen 11, Kanun Tanah Negara 1965).
- b) Semua pekerja yang berada di dalam premis hendaklah menjalani saringan dan bebas daripada jangkitan COVID-19. Saringan pekerja mestilah ditanggung oleh pihak majikan/syarikat terutamanya untuk ujian COVID-19.
- c) Saringan suhu badan pekerja hendaklah dibuat setiap hari dan direkodkan.
- d) Menjalankan saringan suhu badan ke atas semua pelanggan, pelawat dan semua yang berurus di premis dan direkodkan dengan mencatatkan data pelanggan termasuk nama, alamat dan nombor telefon.
- e) Premis hendaklah dinyah kuman setiap hari.
- f) Menyediakan *hand sanitizer* untuk semua pekerja dan pelanggan.
- g) Semua pekerja dan pelanggan hendaklah memakai penutup mulut dan hidung sepanjang masa semasa berada di dalam premis.
- h) Tiada waktu rehat pekerja serentak.
- i) Premis yang mempunyai 10 pekerja ke atas hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Tindak Balas Kecemasan (*Emergency Response Team*).

### 2. Syarat-syarat Khusus Operasi Premis

#### I. Restoran

- i) Jarak antara meja: 2 meter.
- ii) Jarak antara kerusi pelanggan: 1 meter.

- iii) Waktu operasi (Bulan Ramadan): Muslim (12.00 tengah hari – 12.00 tengah malam), Bukan Muslim (7.00 pagi – 7.00 petang).
- iv) Waktu operasi (Luar Ramadan): 7.00 pagi – 7.00 petang.

## **II. Kilang yang Dibenarkan Beroperasi Sebelum 4 Mei 2020**

- i) Semua kilang dibenarkan beroperasi pada kadar 100 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja sehingga semua pekerja lulus saringan COVID-19.
- ii) Dibenarkan beroperasi sebagaimana kelulusan lesen.

## **III. Food Court dan Food Truck**

Operasi *Food Court* dan *Food Truck* adalah secara bungkus (*take away*) sahaja buat masa ini.

## **IV. Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Lebuhraya Karak-KL, LPT 1 dan LPT 2**

Operasi R&R dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:

- i) Restoran: Satu meja hanya dibenarkan untuk seorang pelanggan.
- ii) Surau: Surau hanya dibenarkan digunakan oleh pelanggan yang membawa sejадah dan telekung sendiri. Pengurusan Lebuhraya hendaklah meletakkan pengawal bagi menguatkuasakan arahan ini.
- iii) *Hand sanitizer* disediakan di semua kaunter restoran / gerai, surau.
- iv) Sabun pencuci tangan hendaklah disediakan di semua sinki, tempat wudhu' dan tandas.

## **V. Stesen Minyak**

- i) Waktu operasi adalah menurut kebenaran lesen sedia ada sebagai mana kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
- ii) Hendaklah menyediakan sarung tangan atau *hand sanitizer* di setiap pam minyak (*island*).
- iii) Setiap nozzle hendaklah dinyah kuman setiap jam.

## **VI. Tatacara Pasar Awam**

- i) Dibenarkan beroperasi pukul 5.00 pagi – 2.00 petang.
- ii) Pasar hendaklah dinyah cemar setiap hari selepas waktu operasi.
- iii) Memastikan pelanggan:

- a) berada di gerai tidak melebihi 5 minit untuk satu pembelian barang atau tidak melebihi 20 minit untuk lebih 10 barang.
- b) Elakkan dari menyentuh barang-barang jualan, memadai dengan meminta peniaga terus membungkus barang yang hendak dibeli.
- c) Penjual hendaklah memberi jaminan untuk mengembalikan wang kepada pembeli sekiranya barang yang dibeli tidak memenuhi kehendak pembeli selagi tidak meninggalkan kawasan pasar.
- d) Hanya seorang pelanggan di setiap gerai pada satu masa.

## VII. Premis Dobi Layan Diri

- i) Waktu operasi pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang.
- ii) Menyediakan *hand sanitizer*.
- iii) Mesin basuh dan mesin pengering perlu dinyah kuman setiap kali digunakan.
- iv) Menandakan tempat yang dibenarkan pelanggan berada pada sepanjang masa di dalam premis dengan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara pelanggan.
- v) Jumlah pelanggan di dalam ruang menunggu hendaklah mengikut keluasan ruang lantai iaitu 5 meter persegi bagi seorang pelanggan.
- vi) Tidak dibenarkan melipat pakaian di dalam premis.
- vii) Menyediakan petugas sepanjang masa operasi bagi memastikan pelaksanaan syarat-syarat dipatuhi.

## 3. Kompleks Membeli Belah

- i) Waktu operasi pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang.
- ii) Hanya aktiviti perniagaan dari sektor yang dibenarkan sahaja boleh beroperasi.
- iii) Operasi premis berbentuk hiburan dan permainan seperti *Kiddie Ride*, *Game Centre*, Panggung Wayang, Karaoke, Snooker, Boling, Claw Game, dan Taman Permainan / Taman Tema *indoor* yang terdapat di dalam kompleks **tidak dibenarkan**.
- iv) Kapasiti petak parkir yang boleh digunakan di setiap kompleks perniagaan dihadkan kepada 50% sahaja pada satu-satu masa.
- v) Menghadkan laluan / pintu masuk ke kompleks. Hanya laluan / pintu masuk melalui kompleks sahaja dibenarkan, pintu masuk melalui premis sewaan (*tenant*) **tidak dibenarkan**.
- vi) Penggunaan lif dihadkan mengikut keluasan lif dan mesti dibuat penandaan jarak 1 meter di antara pengguna.

- vii) Penyewaan *kiosk* / gerai / *push cart* tertakluk kepada penjarakan (2 meter antara kiosk) pada kadar 50% dari kuantiti sedia ada. Pihak kompleks perlu menyediakan pelan lantai bagi sewaan *kiosk* / gerai / *push cart*.
- viii) *Hand Sanitizer* / tisu / tong sampah perlu disediakan di setiap lokasi mesin pengeluaran wang (ATM).
- ix) Pelanggan **tidak dibenarkan** mencuba (*fitting*) sebarang jenis pakaian dan kasut. Pelanggan juga **tidak dibenarkan** membuat penukaran / pemulangan semula pakaian yang telah dibeli.
- x) Premis *food court* yang terdapat di dalam kompleks boleh beroperasi secara beli dan bungkus atau *take away* sahaja.
- xi) Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah **tidak dibenarkan** memasuki bangunan kompleks.
- xii) Kompleks akan ditutup selama tiga (3) hari untuk pembersihan sekiranya terdapat kes positif COVID-19.
- xiii) Setiap tandas perlu dibuat sanitasi sekurang-kurangnya 3 kali sehari dan perlu direkodkan dalam buku rekod pembersihan.
- xiv) Penggunaan surau hanya terhad kepada kakitangan kompleks dan penyewa premis sahaja tertakluk kepada syarat berikut:
  - a) Dibuka pukul 1.15 tengah hari – 6.00 petang sahaja.
  - b) Kakitangan perlu membawa sejadah dan telekung sendiri.
  - c) Sabun pencuci tangan disediakan.
  - d) Hendaklah melalui proses nyah kuman pada setiap hari.
  - e) Dihadkan pengguna kepada maksimum 5 orang pada satu-satu masa.
  - f) Menugaskan pengawal sepanjang waktu dibuka.

#### **4. Riadah**

##### **a) Golf**

- i) Semua padang golf awam dan swasta hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh MGA serta syarat –syarat berikut:
  - a) Kelab dibenarkan beroperasi pukul 7.00 pagi – 7.00 petang sahaja.
  - b) Semua Kelab dikehendaki mengikut semua SOP permainan yang telah ditetapkan.
  - c) Penggunaan *driving range* berdasarkan tempahan sahaja dan penggunaan *bay* secara berselang.
  - d) *Caddy* perlu sentiasa memastikan jarak 1 meter daripada pemain sepanjang tempoh permainan.

- e) Semua kemudahan Kelab seperti gimnasium, kolam renang, surau dan bilik persalinan hendaklah ditutup.
  - f) Jumlah dan tempoh masa pelanggan berada di Pro Shop perlu dikawal oleh pengurusan Kelab.
  - g) Cafeteria Kelab perlu mematuhi SOP seperti mana yang telah ditetapkan untuk restoran.
  - h) Jumlah pelanggan di dalam ruang *proshop* hendaklah mengikut keluasan ruang lantai iaitu 5 meter persegi bagi seorang pelanggan
- ii) Tidak dibenarkan menganjurkan sebarang bentuk aktiviti berkumpulan, keraian dan pertandingan.

**b) Jogging**

- i) Dibenarkan hanya di taman perumahan sahaja.
- ii) Dilakukan secara sendirian (acara berkumpulan, berpasangan atau keluarga tidak dibenarkan).
- iii) Tidak dibenarkan membawa kanak-kanak berumur di bawah umur 10 tahun.
- iv) Penjarakan sosial 10 meter daripada individu lain.
- v) Tidak dibenarkan menganjurkan sebarang bentuk aktiviti berkumpulan, keraian dan pertandingan.
- vi) Aktiviti tidak boleh dilakukan di jalan raya / persekutuan / negeri / kampung dan semua trek taman hutan.

**c) Berbasisikal dan Motosikal**

- i) Tidak dibenarkan melebihi 5 kenderaan.
- ii) 1 kenderaan hanya untuk 1 orang sahaja.

**5. Penguatkuasaan Pematuhan Pengoperasian**

- a) Pihak Berkuasa Negeri Pahang bersama JKKN telah memutuskan supaya semua PBT hendaklah memantau semua perusahaan, perniagaan dan aktiviti berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diputuskan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (KPKM) melalui surat Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 5) 2020 [P.U.(A) 136/2020] bertarikh 6 Mei 2020 dan membuat penilaian seperti senarai semak di **Lampiran A**.

- b) JKKN telah bersetuju menubuhkan pasukan penguatkuasa bersama yang dianggotai oleh Jabatan Kesihatan Negeri, Polis DiRaja Malaysia, Unit Penguatkuasaan Negeri dan jabatan-jabatan lain supaya tiada pertindihan fungsi dan tiada kekeliruan orang ramai serta pengusaha premis. Lawatan pemantauan akan dilaksanakan secara bersama tetapi setiap penguatkuasa mempunyai bidang kuasa tersendiri.
- c) Sebarang kesalahan dan pelanggaran pematuhan pengoperasian boleh dikenakan tindakan atau hukuman mengikut salah satu daripada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) atau Seksyen 101(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), atau kedua-duanya sekali.

Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak

YB. Setiausaha Kerajaan Pahang

8 Mei 2020

## SENARAI SEMAK PENGUATKUASAAN SOP PEMBUKAAN SEMULA EKONOMI

BIL	TINDAKAN	PATUH (✓)	TIDAK PATUH (✗)	CATATAN
1.	Memiliki lesen Perniagaan			
2.	Kebersihan Premis dan Persekutaran <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menyediakan Jadual Pembersihan dan Buku Daftar Sanitasi (3 kali sehari)</li> <li>b) Kebersihan tandas (penyediaan sabun)</li> <li>c) Kebersihan dapur (premis makanan)</li> <li>d) Pekerja memiliki kad kesihatan (premis makanan)</li> <li>e) Menyediakan tempat mencuci tangan berserta sabun</li> <li>f) Tindakan pencegahan pembiakan nyamuk Aedes</li> </ul>			
3.	Penjarakkan Sosial <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penandaan jarak 1 meter di lantai</li> <li>b) Penandaan X di kerusi dan meja (premis makanan)</li> <li>c) Penjarakan 2 meter antara meja (premis makanan)</li> <li>d) Sistem pemantauan had bilangan pelanggan</li> <li>e) Keadaan penjarakkan sosial di dalam premis</li> <li>f) Penyediaan Notis permakluman penjarakkan sosial</li> </ul>			
4.	Pekerja / pelanggan menggunakan topeng myka ( <i>facemask</i> )			
5.	Semakan suhu dan <i>hand sanitizer</i> di pintu masuk			
6.	Pendaftaran Pekerja di dalam sistem <i>mySejahtera</i>			
7.	Menyediakan buku/sistem rekod kehadiran pelanggan (Nama/Alamat/No.KP/No. Tel/Masa Masuk dan Keluar)			
8.	Poster Hebah SOP Covid -19 di tampil di dalam premis			
9.	Poster larangan merokok ditampal di dalam premis			
10.	Sistem tempahan / urusan secara online (Digalakkan)			
11.	Bilangan Pekerja : <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Telah Disaring Covid-19 Bil :</li> <li>ii. Tidak Disaring Covid-19 Bil :</li> </ul>			



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

**LAMPIRAN**

**A**

Tel: 03-8000 8000  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisham@moh.gov.my

**PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT  
BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN  
JANGKITAN) (NO.5) 2020  
[P.U. (A) 136/2020]**

**PERATURAN 11**

**ARAHAN KETUA PENGARAH**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.5) 2020 [P.U. (A) 136/2020], maka saya Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, dengan ini menetapkan Prosedur Operasi Standard Pembukaan Semula Ekonomi seperti mana di Lampiran sebagai arahan

Bertarikh pada 6 Mei 2020

**(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**  
Ketua Pengarah Kesihatan

## Lampiran Garis Panduan (SOP)

Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.5) 2020

BIL	SEKTOR	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
1	Pengenalan SOP Pembukaan Semula Ekonomi	Majlis Keselamatan Negara
2	Sukan Dan Rekreasi	Kementerian Belia dan Sukan
3	Pengangkutan	Kementerian Pengangkutan
4	Makanan	Kementerian Wilayah Persekutuan
5	Perkhidmatan Iktisas & Profesional dan Pembuatan	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
6	Sosial	Kementerian Perpaduan Negara
7	Perkhidmatan	Kementerian Sumber Manusia
8	Peruncitan	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
9	Ar-Rahnu dan Koperasi Kredit	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
10	Agrikomoditi	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
11	Kewangan	Kementerian Kewangan
12	Industri Pertahanan	Kementerian Pertahanan
13	Tenaga, Perhutanan dan Mineral	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
14	Pendidikan	Kementerian Pendidikan
15	Pertanian dan Makanan	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
16	Komunikasi dan Teknologi Maklumat	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
17	Pelancongan, Seni dan Budaya	Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan
18	Pembinaan	Kementerian Kerja Raya
19	Kawalan Keselamatan Swasta	Kementerian Dalam Negeri
20	Kebersihan, Keselamatan, Pembinaan, Pengurusan Strata dan Kewangan	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
21	Perubatan	Kementerian Kesihatan
22	R&D dan Makmal Ujian	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
23	Penjagaan Sosial	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
24	Perkhidmatan Konsular, Protokol dan Operasi	Kementerian Luar Negeri
25	Alam Sekitar	Kementerian Alam Sekitar dan Air
26	Guaman	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
27	Minyak dan Gas	Petronas